

Crockfords Kekal Menerima Pengiktirafan 5-Bintang Forbes Travel Guide untuk Tahun Kelapan Berturut-turut

Genting Highlands, 16 Februari 2026 – Crockfords di Resorts World Genting (RWG) terus menetapkan standard tertinggi dalam hospitaliti mewah dengan meraih penarafan 5-bintang dalam edisi terkini Forbes Travel Guide (FTG). Pengiktirafan ini menandakan pencapaian lapan tahun berturut-turut (2019 – 2026) bagi hotel ini, sekaligus mengukuhkan kedudukannya sebagai satu-satunya hotel di Malaysia yang menerima anugerah berprestij ini pada tahun ini.

Sebagai salah satu hotel mewah terkemuka di dunia yang diiktiraf oleh FTG, pengiktirafan berterusan Crockfords menegaskan status globalnya sebagai pengendali pengalaman pengunjung yang elegan dan penuh keperibadian. Anugerah ini mencerminkan komitmen hotel terhadap kecemerlangan, perhatian terhadap setiap perincian serta dedikasi penuh terhadap perkhidmatan, ciri utama yang menjadikan Crockfords sebagai permata tersembunyi di Genting Highlands.

Di seluruh resort bersepadu ini, portfolio hotel RWG turut menerima pengiktirafan berterusan. Genting Grand diraikan sebagai Hotel Mewah 4-Bintang Forbes Travel Guide untuk sembilan tahun berturut-turut (2018 – 2026), manakala Hotel Highlands pula tersenarai sebagai Hotel Disyorkan Forbes bagi tempoh sembilan tahun yang sama, mencerminkan konsistensi resort dalam memberikan pengalaman berkualiti merentas rangkaian tawaran hospitalitinya.

Forbes Travel Guide diiktiraf di peringkat global sebagai autoriti utama dalam hospitaliti mewah, menilai hotel, restoran, spa dan pengalaman pelayaran melalui pemeriksaan rahsia oleh penilai profesional berdasarkan piawaian yang ketat. Hotel yang dinilai perlu mencapai skor cemerlang merangkumi aspek perkhidmatan, kemudahan dan pengalaman pengunjung secara keseluruhan untuk melayakkan diri menerima penarafan tertinggi, menjadikan pengiktirafan FTG sebagai penanda aras dipercayai oleh pelancong berprofil tinggi di seluruh dunia.

Terletak bersebelahan kompleks SkyAvenue yang menjadi tumpuan ramai, Crockfords menyediakan akses mudah kepada pelbagai kemudahan runcit dan hiburan, sambil mengekalkan pengalaman ketibaan yang tenang dan eksklusif melalui pintu masuk tersendiri. Di dalam, suasana elegan kontemporari mendominasi ruang, dilengkapi dengan sentuhan artistik yang dikurasi rapi untuk mempertingkatkan pengalaman ketibaan pengunjung.

Hotel ini terus memperhalusi portfolio penginapannya melalui pengenalan kategori suite baharu yang direka untuk memenuhi gaya hidup moden, menawarkan kemasan mewah serta pemandangan terbuka landskap pergunungan sekeliling. Antaranya ialah Prestige Suite – Gym, sebuah kediaman seluas 1,080 kaki persegi yang dilengkapi kemudahan kardio peribadi dan balkoni persendirian; Premier Suite seluas 670 kaki persegi yang menawarkan suasana mewah, intim dan bergaya; serta Studio Suite seluas 540 kaki persegi yang dihasilkan dengan elemen reka bentuk tempahan khas. Setiap penambahan ini mengukuhkan fokus hotel terhadap keselesaan, fungsi dan meningkatkan tahap pengalaman pengunjung.

Bagi memperkaya tawaran gaya hidup, Crockfords turut memperkenalkan Eden by Crockfords, sebuah destinasi menjamu selera bertenaga di Aras G. Diinspirasi oleh konsep syurga yang tenang, restoran ini menyajikan hidangan klasik antarabangsa serta menu berinspirasi citarasa tempatan dalam suasana santai tetapi kekal eksklusif. Pengunjung boleh menikmati bufet sarapan dari jam 7 pagi hingga 10.30 pagi, minum petang dari jam 12 tengah hari hingga 6 petang, serta hidangan sepanjang hari dari jam 12 tengah hari hingga 10.30 malam. Antara menu istimewa termasuk Home-Cured Gravlox, Mexican Wagyu Burger dan Kari Laksa Nyonya, dilengkapi stesen memasak secara langsung serta pilihan yang boleh disesuaikan mengikut citarasa. Dibuka kepada pengunjung hotel dan orang awam, Eden by Crockfords memperluaskan pengalaman hospitaliti hotel ini melangkaui penginapan semata-mata.

Perkhidmatan yang diperibadikan kekal sebagai teras pengalaman Crockfords. Sama ada melalui inisiatif kesejahteraan yang teliti atau memastikan penginapan yang lancar, pasukan hotel sentiasa komited untuk mencipta pengalaman yang bermakna dan tidak terlupakan, selaras dengan standard pemenang anugerah yang dimiliki.

“Kami berbesar hati menerima pengiktirafan ini sekali lagi,” kata Spencer Lee, Naib Presiden Eksekutif Jualan, Pemasaran dan Perhubungan Awam. “Mengekalkan pencapaian ini selama lapan tahun berturut-turut mencerminkan konsistensi, disiplin dan keprihatinan yang dibawa oleh pasukan kami dalam setiap interaksi bersama pengunjung. Di Resorts World Genting, kami terus fokus memperkukuh tawaran hospitaliti kami serta mencipta pengalaman yang relevan bagi pelancong yang mencari keselesaan, kualiti dan keunikan.”

Robert Marek, Naib Presiden Operasi Hotel, menambah, “Pencapaian ini menzahirkan komitmen kami untuk terus berkembang seiring dengan jangkaan pengunjung. Daripada memperkenalkan konsep suite baharu hinggalah kepada memperkaya pengalaman menjamu selera, kami akan terus memperhalusi cara kami menyampaikan keselesaan dan perkhidmatan. Matlamat kami adalah untuk memastikan setiap penginapan mencerminkan standard yang sinonim dengan hotel 5-Bintang Forbes Travel Guide.”

Untuk maklumat lanjut mengenai Crockfords serta perkembangan dan aktiviti terkini di Resorts World Genting, sila layari rwgenting.com.

– Tamat –

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Ms. Michelle Wong

Head – Public Relations & Communication
Social Commerce and Public Communication
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9608
Email: michelle.wong@rwgenting.com

Ms Mei Yeap Lee Mui

Assistant Manager
Public Relations & Media
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9447
Email: mei.yeap@rwgenting.com

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat terkemuka di peringkat global dalam sektor perkhidmatan rekreasi dan hospitaliti. Tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak kira-kira RM10 bilion, Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan rangkaian hartanah resort ikonik, termasuk Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City, serta Resorts World Catskills dan Resorts World Hudson Valley (kedua-duanya dimiliki sebanyak 49% melalui syarikat

bersekutu) di Amerika Syarikat, Resorts World Bimini di Bahamas, Resorts World Birmingham dan lebih 30 kasino di United Kingdom, serta Crockfords Cairo di Mesir. Genting Malaysia turut memiliki dan mengendalikan dua resort tepi laut yang terkemuka di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di Pulau Langkawi.

Terletak pada ketinggian 6,000 kaki dari paras laut, Resorts World Genting (RWG) adalah resort bersepadu utama di Malaysia yang terletak di puncak bukit. Resort ini menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan hiburan lengkap, termasuk 10,500 bilik di tujuh hotel eksklusif, permainan kasino, taman tema, tarikan hiburan, kedai makan dan runcit, serta pertunjukan bertaraf antarabangsa dan kemudahan konvensyen perniagaan. Dikelilingi oleh kehijauan semula jadi di kawasan bukit pertengahan, Resorts World Awana melengkapkan pengalaman premium ini dengan landskap semula jadi yang mempesona, padang golf pergunungan, laluan kembara hutan yang mencabar, serta berdekatan dengan pelbagai tarikan utama. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) menambah nilai kepada pelbagai tawaran di RWG, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi utama rekreasi dan hiburan di rantau ini. Sebagai tempat kelahiran Kumpulan Genting, RWG akan menganjurkan pelbagai acara dan aktiviti promosi menarik untuk menyambut ulang tahun ke-60 Jubli Intan Kumpulan Genting, menawarkan pengalaman yang tidak dapat dilupakan kepada setiap pengunjung.

Genting Malaysia adalah sebahagian daripada Kumpulan Genting, salah satu syarikat multinasional terkemuka dan terbaik di Asia. Kumpulan Genting dipimpin oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan visionari yang telah berjaya menjadikan jenama Resorts World sebagai peneraju utama dalam sektor rekreasi dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat, Bahamas, dan United Kingdom. Selain itu, Tan Sri Lim Kok Thay juga mempunyai pelaburan yang signifikan dalam pelbagai sektor global, termasuk ladang minyak sawit, pembangunan hartanah, penjanaan tenaga, minyak dan gas, pelayaran, serta bioteknologi.